

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1968**

#### **MAJLIS AMANAH RAKYAT (M.A.R.A)**

#### **KUASA MEMILIKI TANAH DAN MEMEGANG GADAIAN DAN PAJAKAN**

---

Semua Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian akan seksyen 36 dalam Act Majlis Amanah Rakyat 20/1966 yang berbunyi seperti berikut:-

'36 For the purpose of any written Law relating to land reserved for alienation to Malays or natives of the State in which it lies, the Majlis and every Cooperation shall be deemed to be a Malay or a native, as the case may be'.

2. Dengan adanya peruntukan khas dalam seksyen 36 ini maka MARA dan juga perbadanan (cooperation) yang ditubuhkan oleh MARA mengikut kuasanya dalam seksyen 25(1) daripada Act 20/1966 itu, adalah dianggap sebagai orang melayu bagi maksud undang-undang Tanah Simpanan Untuk orang Melayu, manakala dari segi Jadual kedua belas KTN pula MARA dan perbadanan itu terjumliah kepada orang-orang Peranakan Kelantan. Ringkasnya MARA dan perbadanannya adalah bebas memiliki tanah dan membuat sebarang perkiraan berhubung dengan tanah sebagaimana kebebasan yang terhad kepada seorang Melayu Peranakan Kelantan (a malay Native of Kelantan).

3. Pekeliling ini telah disahkan oleh Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan.

t.t  
**(Akasah bin H.A. Rahman)**  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU:** 10HB. JANUARI, 1968.  
(LAK.7/62)